

PM, Modi adakan pertemuan tertutup

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di sini malam kelmarin dan diberi sambutan rasmi oleh rakan sejawatannya, Narendra Modi di kediaman rasmi Presiden India di Rashtrapati Bhavan, di sini semalam.

Beliau yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke India atas jemputan Modi, disertai Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Sumber Manusia, Steven Sim; Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan

Kesenian, Datuk Seri Tiong King Sing; Menteri Digital, Gobind Singh serta Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz.

Selepas itu, Anwar diberikan penghormatan untuk meletakkan kalungan bunga di Tugu Peringatan Gandhi, bapa kemerdekaan India di Kompleks Peringatan Raj Ghat sebelum menerima kunjungan hormat Menteri Hal Ehwal Luar India, S Jaishankar.

Perdana Menteri kemudian mengadakan perjumpaan tertutup dengan Modi di kediaman rasmi Perdana Menteri India, Hyderabad House. Ini diikuti majlis menandatangani dan pertukaran lapan memorandum persefahaman (MoU) dan penyerahan laporan Forum CEO Kedua India-Malaysia di Dewan Khailash, juga di Hyderabad House.

Anwar seterusnya diraikan pada majlis jamuan makan tengah hari dihoskan Modi dan

selepas itu mengadakan pertemuan dengan Presiden India, Droupadi Murmu di Rashtrapati Bhavan.

Perdana Menteri dijadual menyampaikan Syarahan Ke-50 Sapru House bertajuk *Ke arah Pembangunan Global Selatan, Memanfaatkan Hubungan Malaysia-India* pada acara anjuran Majlis Hal Ehwal Dunia India sebelum mengakhiri lawatan rasmi hari kedua dengan majlis mesra bersama rakyat Malaysia di Suruhanjaya Tinggi Malaysia.